

20 AUG 1998

MAHATHIR PERJELAS MASALAH EKONOMI KEPADA WARGA KOTA

KUALA LUMPUR, 20 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menemui warga kota di sini hari ini dalam siri pertemuan beliau dengan rakyat bagi menjelaskan mengenai masalah ekonomi negara.

Beribu-ribu rakyat membanjiri kawasan rekreasi Taman Tasik Titiwangsa untuk mendengar ucapan Perdana Menteri mengenai usaha memulihkan ekonomi dan perlunya rakyat memberi sokongan kepada kerajaan.

Yang turut hadir ialah menteri-menteri kabinet dan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional Waliyah Persekutuan.

Dr Mahathir telahpun melawat Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Perak, Pulau Pinang dan Sabah.

-- BERNAMA

ES MAI